

85 peratus penduduk Desa KEDA ada geran tanah

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menyerahkan kira-kira 85 peratus geran tanah di 56 kawasan Desa KEDA yang memiliki lebih 5,700 kediaman di seluruh negeri ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penyerahan itu merupakan langkah penting dalam usaha memperkukuh hak milik tanah kepada penduduk-penduduk di Desa KEDA, sekali gus memacu pembangunan komuniti setempat.

“Ia merupakan usaha kerajaan untuk memberi ruang dan peluang kepada penduduk tinggal dengan selesa di Desa KEDA kerana sudah ada keluarga yang diwarisi generasi kedua berada dalam perkampungan KEDA ini.

“Baki 15 peratus pemilikan dijangka diselesaikan dalam tempoh dua tahun kerana perlu melalui prosedur disyaratkan sebelum diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah,” katanya selepas Program Ziarah Kasih di Desa KEDA Bendang Perang, Pokok Sena, semalam.



**Baki 15 peratus
pemilikan dijangka
diselesaikan dalam
tempoh dua tahun
kerana perlu
melalui prosedur
disyaratkan.”**

Daripada 114 buah rumah di Desa KEDA Bendang Perang pula, hanya tinggal 29 ketua isi rumah (KIR) yang belum menerima geran tanah masing-masing.

Sementara itu, bagi Program Kesedaran Pengurusan Sisa Pepejal di Wilayah KEDA (Spike) di perumahan KEDA, Mahdzir berkata, sudah 20 Desa Keda membangunkan projek berfokus kepada pengurusan sisa pepejal yang lebih tersusun di perumahan itu.

“Projek ini memberi tumpuan kepada membangunkan sistem pengurusan sisa pepejal melalui pembinaan satu tempat pengumpulan kerana Desa KEDA terletak di luar kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menguruskan sisa pepejal melalui cukai pintu.

“Perkampungan ini di luar kawasan pembandaran tapi kalau dibiarkan berlanjutan, sampah itu nak buang ke mana dan akan terus berada di tepi-tepi rumah, maka siapa nak kutip.

“Jadi, secara muafakat kita buat program ini bagi kesedaran kepada penduduk bahawa sekarang ada orang akan tolong kutip sampah mereka tetapi memerlukan bayaran minimum untuk melaksanakan kutipan itu,” katanya.

Katanya, 10 buah Desa KEDA lagi disasarkan melaksanakan Spike sepanjang tahun ini dengan dilengkapi rumah sampah yang menjadi tempat longgokan sisa pepejal sebelum dikutip pihak bertanggungjawab.